

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATUK LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGAM – BN]**

SOALAN NO.309

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sasaran Malaysia dalam Sukan SEA 2017 dan apakah langkah dan strategi yang sedang diambil oleh Kementerian dalam mencapai sasaran tersebut.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Dari segi **persediaan atlet**, Program KITA JUARA yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara telahpun memasuki fasa terakhir bermula bulan April 2017 lalu. **Jawatankuasa Pemilihan Atlet Temasya Sukan SEA 2017** yang ditubuhkan oleh Majlis Olimpik Malaysia (MOM) telah mengumumkan bahawa kontinjen negara akan disertai oleh **874 orang atlet** (iaitu seramai 485 atlet lelaki dan 389 atlet wanita) daripada **38 jenis sukan**. Mereka seterusnya akan bertanding dalam **398 acara daripada 404 acara** yang akan dipertandingkan di temasya KL 2017. Atlet-atlet tersebut juga akan dibantu oleh **390 jurulatih**, pengurus pasukan dan pegawai kontinjen yang menjadikan jumlah keseluruhan kontinjen negara seramai **1264 orang**. Jumlah tersebut merupakan penyertaan terbesar kontinjen negara dalam sejarah penyertaan di temasya Sukan SEA sejak tahun 1959.
2. Dalam usaha untuk dinobatkan sebagai juara keseluruhan temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017, kontinjen negara perlu memenangi lebih **100 pingat emas** dari **404 pingat emas** yang akan dipertandingkan untuk mengatasi pungutan pingat emas di kalangan negara-negara terkuat Asia Tenggara seperti Thailand yang telah mengumumkan sasaran 100 pingat emas.

SULIT

3. Berdasarkan penilaian prestasi yang dibuat semasa Bengkel Penetapan Sasaran bersama semua pemegang taruh di dalam program Kita Juara, sukan Berbasikal dan Terjun di jangka akan menjadi penyumbang terbesar pungutan pingat emas bagi Kontinjen Negara.
4. Sukan-sukan lain yang mampu memenangi pingat emas buat negara adalah seperti Gimrama, Skuasy, Wushu dan Silat. Pasukan Olahraga juga dijangka akan mampu melakukan kejutan berdasarkan prestasi atlet-atlet yang telah mencipta 24 rekod baru sepanjang 2015 hingga 2017 (13 rekod pada tahun 2017).

Sekian, terima kasih.